



17 APR, 2025

Projek solar terapung dijangka jana RM40 juta setahun

Sinar Harian, Malaysia



Projek solar terapung dijangka jana RM40 juta setahun

KUALA TERENGGANU - Projek solar terapung terbesar di Malaysia yang dibangunkan di Tasik Kenyir di sini dijangka mampu menyumbang hasil mencecah RM40 juta setahun kepada kerajaan negeri.

Exco Ekonomi, Digital, Pendapatan Baharu, Perdagangan, Perindustrian dan Teknologi Hijau negeri, Mohd Nurkhuzaini Ab Rahman berkata, ia mampu dicapai sebaik Fasa 1 Blok 1 berkapasiti 640 megawatt (MW) yang merupakan sebahagian daripada kapasiti keseluruhan sehingga 2,500MW mula beroperasi.

Menurutnya, tender bagi kerja-kerja kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan



MOHD NURKHUZAINI

pentaullihan (EPCC) untuk fasa berkenaan melibatkan nilai lebih RM2 bilion dan telah ditutup pada 15 Mac lalu.

"Projek ini dijalankan mengikut garis masa yang ditetapkan dan bakal membuka lebih 150 hingga 200 peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, selain merangsang pertumbuhan ekonomi negeri," katanya ketika menjawab soalan lisan **Khazan Che Mat (Pas - Seberang Takir)** dalam

Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, pada Rabu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, projek berasaskan tenaga hijau itu bukan sahaja menyumbang kepada hasil negeri, malah

berpotensi menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor tenaga boleh diperbaharui termasuk hidrogen, mobiliti hijau serta pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS).

Katanya, perkembangan positif tersebut turut membuka minat syarikat multi-nasional dari dalam dan luar negara termasuk Acwa Power Company dari Arab Saudi, Masdar (Abu Dhabi), Sungrow Power dan Envision Group dari China, Shizen International Inc dari Jepun serta Gentari dan MRCEB.

"Terengganu Inc dijangka memperoleh dividen berjumlah RM670 juta sepanjang tempoh operasi 25 tahun projek ini," katanya lagi.

Beliau turut memaklumkan Lembaga Air Terengganu (LAUT) akan menerima

bayaran caj dianggarkan sebanyak RM37 juta setahun bagi projek fasa pertama, manakala jika keseluruhan kapasiti 2,000MW dilaksanakan, anggaran bayaran kepada LAUT dijangka melebihi RM100 juta setahun.